



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI PULAU PINANG**
Tingkat 42,
Kompleks Tun Abdul Razak (KOMTAR)
10000 PULAU PINANG

Tel: 604-255 5500 – 507 (8 Talian)
Faks: 604-255 5577
e-Mail : pneg_png@anm.gov.my
Laman Web:
<http://portalpp.anm.gov.my/penang>

Ruj. Kami : ANM PG.300-8/7 (66)
Tarikh : 25 Ogos 2021

**SEMUA KETUA JABATAN/
PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ)**

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

TATACARA PELUPUSAN DENGAN HASIL DAN PENDAFTARAN PELANGGAN ASET

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan, Pekeliling Perbendaharaan AM 2.7 Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan - Pelupusan telah menjelaskan dengan terperinci kaedah pelupusan aset alih kerajaan. Selaras dengan itu, modul Perakaunan Aset di iGFMAS telah dibangunkan bagi menepati kehendak pekeliling dan berdasarkan perakaunan akruan.

3. Berdasarkan Manual Prosedur Kerja iGFMAS, MPK-AA 12 - Prosedur Pelupusan Aset Dengan Hasil merujuk kepada pelupusan aset sepenuhnya atau sebahagian yang mendatangkan keuntungan atau kerugian daripada hasil jualan kepada pelanggan. Prosedur pelupusan dengan hasil ini perlu digunakan oleh PTJ bagi mengakaunkan pelupusan aset secara jualan sama ada secara tender, sebutharga, lelong dan lain-lain kaedah pelupusan yang berkaitan.

4. Selaras dengan itu, semua PTJ adalah diminta untuk menggunakan modul pelupusan dengan hasil bagi tatacara pelupusan yang berkaitan. Bagi tujuan ini, pihak PTJ diminta untuk merujuk kepada proses kerja seperti di **Lampiran A** dan **B**. ID Pelanggan Aset perlu diwujudkan supaya resit ke atas jualan aset kepada pelanggan dapat dikeluarkan. Borang Pendaftaran Pelanggan Aset adalah disertakan seperti di **Lampiran C**. Borang ini perlu diisi dengan lengkap dan diserahkan kepada **Unit Khidmat Pelanggan & Pengurusan Latihan (UKPPL) JANM Pulau Pinang** secara serahan tangan atau menerusi emel.

5. Sebarang permasalahan atau pertanyaan pihak PTJ boleh berhubung dengan Unit Pengurusan Aset JANM Pulau Pinang di talian 04-2555 530/531/524/550. Kerjasama dan keprihatinan daripada YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan berkenaan perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul"

Saya yang menjalankan amanah,

(SARIPUDIN BIN KANDA c.a. (M))
Pengarah
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Negeri Pulau Pinang